

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

SEKTOR PEMBELAJARAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PETALING UTAMA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021 (Percubaan)

BAHASA MELAYU (Naskhah Pentaksir)

1103/3

Kertas 3

Nov

15 – 20 minit

lima belas hingga dua puluh minit

**NASKHAH PENTAKSIR INI UNTUK KEGUNAAN PENTAKSIR YANG
BERKENAAN SAHAJA**

1. *Naskhah pentaksir ini mengandungi 12 set item bertutur individu dan 10 set item bertutur kumpulan.*
2. *Markah maksimum calon untuk taksiran individu ialah 40 markah manakala markah maksimum untuk setiap calon dalam taksiran kumpulan ialah 30 markah.*
3. *Setiap item mengandungi cadangan jawapan untuk rujukan pentaksir. Pemberian markah bukan berdasarkan cadangan jawapan tetapi berdasarkan kriteria yang ditetapkan sebagaimana dalam rubrik instrumen yang telah diberikan oleh Lembaga Peperiksaan. Pentaksir hendaklah menilai calon dengan menggunakan budi bicara dan pertimbangan profesional masing-masing.*
4. *Pentaksir boleh memberikan soalan tambahan untuk mempermudah calon memberikan respons.*

Naskhah pentaksir ini mengandungi 48 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

SET 1

ITEM BERTUTUR (Individu)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

COVID-19
#KitaMestiMenang

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KITA DALAM MEMUTUSKAN RANTAIAN COVID-19

- Memuat turun, mengguna dan mengemaskini aplikasi MySejahtera
- Menjadi *role model* dengan membudayakan norma baharu
- Memantau status kesihatan diri dan kekal duduk di rumah jika bergejala
- Menyebarkan maklumat yang tepat dan sahih
- Mematuhi SOP dan memantau pematuhan SOP dalam komuniti
- Menegur ketidakpatuhan SOP dan membuat laporan kepada pihak berkenaan (PDRM, PKD, PBT dan lain-lain)
- Mengambil tahu individu / kumpulan yang berisiko COVID-19 dalam komuniti setempat dan maklumkan kepada PKD untuk tindakan susulan
- Mampu menggerakkan tindakan peringkat komuniti dalam menguruskan pandemik

Kementerian Kesihatan Malaysia
Agenda Nasional Malaysia Sihat
MyHEALTH
myhealthkkm
f
Twitter
YouTube
Instagram
TikTok
sihatmilikku
SCAN ME

Penularan wabak Covid-19 telah menggegarkan seluruh dunia kerana memberikan banyak kesan negatif kepada kehidupan seharian manusia. Penularan wabak ini juga telah meninggalkan implikasi yang negatif terhadap ekonomi negara Malaysia termasuk penurunan nilai Ringgit Malaysia. Selain itu, wabak ini juga memberikan kesan buruk kepada sektor pelancongan, perhotelan, peruncitan, sektor hiburan dan sebagainya. Kehidupan seharian masyarakat turut berubah dengan ketaranya, iaitu kini kita harus mematuhi konsep penjarakan fizikal sebagai sebahagian daripada prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh pihak kerajaan Malaysia.

SOALAN RANGSANGAN

1. Berdasarkan bahan rangsangan tersebut, apakah yang perlu dilakukan oleh golongan masyarakat untuk memutuskan rantaian Covid-19?
2. Berdasarkan bahan rangsangan tersebut, nyatakan kesan-kesan penularan wabak Covid-19 kepada negara Malaysia.
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah peranan dan tanggungjawab yang ditunjukkan dalam bahan rangsangan di atas dapat membantu untuk memutuskan rantaian Covid-19? Jelaskan.
4. Walaupun Covid-19 membawa penderitaan dan meragut jutaan nyawa, pandemik ini turut membawa perubahan positif dalam kehidupan kita. Ulasakan pernyataan ini.

CADANGAN JAWAPAN

1. Berdasarkan bahan rangsangan tersebut, perkara yang perlu dilakukan untuk memutuskan rantaian wabak Covid-19 ialah anggota masyarakat harus mematuhi SOP dan memantau status kesihatan diri dan kekal duduk di rumah jika bergejala. Selain itu, masyarakat juga perlu memuat turun, mengguna dan mengemas kini aplikasi Mysejahtera. (*Semua jawapan lain diterima*)
2. Berdasarkan bahan rangsangan tersebut, kesan-kesan penularan wabak Covid-19 kepada negara Malaysia ialah wabak ini memberikan kesan kepada ekonomi negara termasuk berlaku penurunan nilai Ringgit Malaysia. Selain itu, penularan wabak ini juga menjejaskan sektor pelancongan, perhotelan, peruncitan, sektor hiburan dan sebagainya.
3. Pada pendapat saya, peranan dan tanggungjawab yang ditunjukkan dalam bahan rangsangan di atas dapat membantu untuk memutuskan rantaian Covid-19 kerana masyarakat dan pihak kerajaan serta pihak yang berwajib perlu memainkan peranan yang penting serta perlu menggembelng tenaga untuk memutuskan penularan wabak Covid-19. Masyarakat perlu mematuhi semua SOP yang ditetapkan oleh kerajaan, manakala pihak kerajaan atau pihak berwajib pula perlu memantau pematuhan SOP dalam komuniti. Selain itu, pihak berwajib pula perlu mengambil tahu tentang individu atau kumpulan yang berisiko untuk dijangkiti Covid-19 dalam komuniti dan membuat laporan kepada Pejabat Kesihatan Daerah untuk tindakan susulan. Seterusnya, pihak kerajaan juga perlu menggerakkan tindakan peringkat komuniti untuk mengurus pandemik

4. - masyarakat semakin peka tentang aspek kebersihan diri
- guru menjadi semakin kreatif untuk meneroka teknologi baharu yang interaktif dan menarik untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran
- masyarakat dapat menghadiri pelbagai bengkel dan seminar bertaraf kebangsaan dan antarabangsa secara dalam talian
- masyarakat semakin sedar akan nilai hubungan kekeluargaan
- masyarakat yang prihatin akan nasib golongan yang terkesan oleh pandemik dan sanggup menghulurkan bantuan semakin banyak
- ukhuwah masyarakat Malaysia bertambah erat kerana bersatu hati untuk memerangi wabak

SET 2

ITEM BERTUTUR (Individu)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

FAEDAH-FAEDAH KITAR SEMULA

FAEDAH-FAEDAH KITAR SEMULA



Menjimatkan
penggunaan
sumber

Mengurangkan
pencemaran
alam

Mengelakkan
wabak penyakit

**BUANGLAH SAMPAH
PADA TEMPATNYA**





Warna: Biru
Kegunaan: Kertas
Semua kertas berwarna dan tidak berwarna seperti akhbar, majalah, buku, helaian kertas, katalog, risalah, kalendar, kad, sampul surat, dan kotak kadbod.
Tidak Termasuk kertas tisu, kertas karbon, kertas minyak/ aluminium, kertas berlapis plastik, dan kertas yang kotor.



Warna: Coklat
Kegunaan: Kaca
Semua kaca berwarna dan tidak berwarna seperti botol minuman ringan, balang makanan, botol vitamin, dan botol kosmetik.
Tidak Termasuk kristal, cermin, cermin tingkap, skrin kenderaan, porselin, seramik, logam, peralatan makmal, dan balang atau botol bahan toksik.



Warna: Jingga
Kegunaan: Aluminium, tin keluli, dan plastik
Semua jenis aluminium dan tin keluli, seperti tin minuman ringan dan bekas makanan. Semua jenis plastik berwarna dan tidak berwarna seperti beg plastik, botol minuman, botol air mineral, bekas makanan, botol cecair pencuci, dan botol vitamin.
Tidak Termasuk bekas cat, bekas bahan toksik, dan peralatan makmal.

Setiap hari kita menghasilkan sampah sarap seperti plastik, aluminium, kertas, getah, sisa makanan, dan sebagainya. Pembuangan sampah terlalu banyak sehingga tapak pelupusan sampah tidak dapat menampung sampah yang dibuang. Oleh itu, amalan kitar semula perlu dilakukan bagi bahan yang boleh dikitar semula. Sebagai individu yang cakna akan alam sekitar, amalan ini perlu dibudayakan sejak kecil kerana mendatangkan pelbagai manfaat.

SOALAN RANGSANGAN

1. Berdasarkan bahan rangsangan tersebut, apakah yang anda faham tentang kitar semula?
2. Berdasarkan bahan rangsangan tersebut, nyatakan faedah-faedah kitar semula.
3. Pada pendapat anda, mengapakah amalan kitar semula ini dapat mengelakkan wabak penyakit? (KBAT)
4. Pembuangan sampah merata-mata memberikan kesan negatif kepada persekitaran dan alam sekitar tetapi dengan amalan kitar semula ini, pencemaran alam sekitar dapat dikurangkan.

Berikan ulasan anda. (KBAT)

CADANGAN JAWAPAN

1. Berdasarkan bahan rangsangan tersebut, kitar semula ialah proses menukar bahan pembuangan seperti plastik, aluminium, kertas, getah, sisa makanan, dan sebagainya untuk menghasilkan barangan yang boleh digunakan semula.
2. Berdasarkan bahan rangsangan tersebut, faedah-faedah kitar semula ialah menjimatkan penggunaan sumber, mengurangkan pencemaran alam, dan mengelakkan wabak penyakit.
3. Pada pendapat saya, amalan kitar semula ini dapat mengelakkan wabak penyakit kerana sampah sarap dapat menjadi agen penularan wabak penyakit. Tempat yang ditakungi air menjadi tempat nyamuk aedes bertelur. Selain itu, sisa makanan mengundang kehadiran lalat, lipas dan tikus. Di samping itu, sisa makanan boleh dikitar semula menjadi baja kompos yang lebih selamat. Tempurung dan tayar terpakai pula dapat dijadikan pasu hiasan. Oleh itu, amalan kitar semula dapat mengelakkan penyakit berbahaya seperti denggi, kencing tikus, taun dan keracunan makanan.
4. Amalan kitar semula ini dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar kerana bumi semakin tenat dengan aktiviti manusia yang tidak terkawal. Jika kita lihat pada hari ini, masalah pencemaran air, pencemaran udara dan pencemaran tanah terus berlaku. Dengan mengamalkan kitar semula, kita dapat mengurangkan penggunaan plastik dan seterusnya dapat mengurangkan pencemaran di samping memperindah dan melestarikan pemandangan alam sekitar. Di samping itu, akan memberikan imej yang baik kepada pelancong yang datang.

SET 3**ITEM BERTUTUR (Individu)**

[40 markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**Keselamatan Penunggang Motosikal di Jalan Raya**

Berdasarkan statistik kemalangan jalan raya yang dilaporkan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKR) pada tahun 2016, didapati penunggang motosikal mencatatkan jumlah kematian yang paling tinggi, iaitu 63%. Antara faktor yang menyebabkan penunggang motosikal berisiko tinggi ialah sikap penunggang motosikal, persekitaran jalan raya dan keadaan motosikal. Oleh yang demikian, penunggang motosikal mestilah memilih laluan yang selamat dengan menggunakan laluan motosikal yang disediakan dan digalakkan berada di sebelah kiri jalan. Selain itu, mereka juga hendaklah mematuhi tanda isyarat lalu lintas di jalan raya untuk memastikan pergerakan lalu lintas lebih lancar. Kesimpulannya, keselamatan di jalan raya merupakan tanggungjawab pengguna jalan raya itu sendiri.

SOALAN RANGSANGAN DAN CADANGAN JAWAPAN.

1. Apakah punca berlakunya kemalangan penunggang motosikal?

Punca berlakunya kemalangan penunggang motosikal ialah sikap penunggang motosikal, persekitaran jalan raya dan keadaan motosikal.

2. Nyatakan langkah-langkah untuk mengelakkan kemalangan penunggang motosikal.

Langkah – langkah untuk mengelakkan kemalangan penunggang motosikal ialah penunggang motosikal mestilah memilih laluan yang selamat dengan menggunakan laluan motosikal yang disediakan dan digalakkan berada di sebelah kiri jalan. Selain itu, mereka juga hendaklah mematuhi tanda isyarat lalu lintas di jalan raya untuk memastikan pergerakan lalu lintas lebih lancar.

3. Apakah akibatnya jika berlaku kemalangan jalan raya?

- Kematian (ahli keluarga)
- Trauma (sedih,terkejut, takut)
- Kesusakan Jalan Raya
- Kecederaan ringan / parah
- Kerosakan kenderaan

Terima apa-apa jawapan yang releven

4. Jika anda berada di tempat kejadian kemalangan jalan raya berlaku, apakah yang wajar anda lakukan apabila melihat kejadian tersebut?

- Memeriksa keadaan mangsa bertanya keadaan mangsa
- Menghubungi pihak bantuan kecemasan (dail 999)
- Mendapatkan bantuan daripada orang dewasa untuk mengawal trafik dan situas
- Jika selamat, alihkan mangsa ke tempat yang sesuai

Terima apa-apa jawapan yang releven

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan nama kuih tradisional yang anda ketahui dalam bahan tersebut.
2. Ceritakan pengalaman anda jika anda pernah terlibat dalam proses untuk membuat kuih tradisional ini.
3. Pada pendapat anda , apakah usaha-usaha untuk mempopularkan kembali kuih tradisional ini khususnya dalam kalangan generasi muda.
4. Kuih tradisional merupakan citarasa orang lama yang perlu dikomersialkan supaya menjadi kegemaran ramai sekaligus mengekalkan hasil pembuatannya.
Berikan ulasan anda.

CADANGAN JAWABAN

1. Kuih dereram, Kuih kaswi, Kuih tepung pelita, Ondeh-ondoh, Akok, Kuih ketayap, Kuih koci
2. *Proses membuat kuih tradisional berdasarkan kuih yang dipilih oleh calon.*
3. - memperkenalkan kuih tradisional atau mempromosikannya secara dalam talian.
- mengadakan kursus pembuatan kuih tradisional kepada golongan muda.
- menjadikan penjualan kuih tradisional ini sebagai sumber pendapatan bagi golongan muda.
- melakukan inovasi supaya menarik minat golongan muda
- menghasilkan teknik yang lebih mudah dan cepat untuk memasak kuih tradisional
- membungkus dalam pek yang sesuai dijadikan cenderamata
4. - memasarkan secara besar-besaran
- menjadikannya sebagai makanan yang mudah dimakan sebagai snek ringkas
- mengurangkan kadar kemanisan dalam kuih supaya kekal sihat dan sedap sesuai citarasa masa ini
- menjual di tempat yang menjadi tumpuan ramai dalam keadaan sedia dimakan dengan mudah
-mewajibkan kuih tradisional sebagai hidangan pemanis dalam majlis rasmi.

SET 5**ITEM BERTUTUR (Individu)**

[40 markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Perkembangan teknologi juga boleh membawa keburukan terutamanya jenayah siber seperti kecurian maklumat, penipuan, penyebaran virus, penggodaman, pengubahsuaian program dan sebagainya. Jenayah siber amat berleluasa sekarang ini dan sukar untuk dibendung. Pembendungan jenayah siber secara menyeluruh adalah sukar untuk dicapai. Hal ini dikatakan demikian kerana kelonggaran undang-undang berkaitan dengan jenayah siber telah menyebabkan masalah ini semakin berleluasa.

Kecanggihan teknologi telah disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu bagi mengaut keuntungan dengan cara yang mudah. Di samping itu, teknologi juga telah memudahkan penjenayah untuk melakukan jenayah, contohnya dengan penggunaan alat bagi mengesan komputer riba di dalam kereta dan juga alat untuk membuka pintu kereta. Alat-alat ini banyak digunakan oleh penjenayah.

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan aktiviti yang sering dikaitkan dengan jenayah siber.
2. Mengapakah jenayah siber sukar untuk diatasi ?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah yang seharusnya dilakukan oleh anggota masyarakat untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber?
4. Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah jenayah siber?

CADANGAN JAWAPAN

1. Aktiviti yang sering dikaitkan dengan jenayah siber ialah kecurian maklumat, penipuan, penyebaran virus, penggodaman , pengubahsuaian program.
2. Jenayah siber sukar untuk diatasi kerana kelonggaran undang-undang berkaitan jenayah siber menyebabkan masalah ini semakin berleluasa.
3. Pada pendapat saya, anggota masyarakat seharusnya lebih berhati-hati seperti tidak mudah berkongsi maklumat peribadi dengan orang yang tidak dikenali.
4. Pada pendapat saya, pihak kerajaan perlu menggubal undang-undang yang lebih tegas berkaitan jenayah siber. Pihak kerajaan juga boleh mendidik masyarakat tentang jenayah siber supaya dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber.

SET 6**ITEM BERTUTUR (Individu)**

[40 markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Aktiviti sukan lasak semakin popular di Malaysia. Contoh aktiviti sukan lasak yang menjadi pilihan rakyat Malaysia ialah aktiviti berkayak, memanjat dinding batuan, mendaki bukit, berbasikal dan memandu ATV. Kebaikan menyertai sukan lasak termasuklah menjadikan kita lebih tabah menghadapi segala rintangan dan onak duri dalam kehidupan. Misalnya, apabila kita mendaki bukit, kita perlulah tabah dan kuat semangat bagi mengatasi apa-apa jua halangan. Aktiviti ini bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal malah mental juga memainkan peranan penting. Tambahan pula, sukan lasak juga mampu menyihatkan badan serta mencerdaskan minda. Dengan adanya badan yang sihat, kita dapat menjalani kehidupan dengan keadaan yang lebih selesa dan kondusif. Secara tidak langsung, modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial dapat dilahirkan.

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan aktiviti sukan lasak yang menjadi pilihan rakyat Malaysia.
2. Apakah kebaikan aktiviti sukan lasak?
3. Ceritakan pengalaman anda melakukan aktiviti sukan lasak.
4. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan masyarakat menyertai aktiviti sukan lasak?

CADANGAN JAWAPAN

1. Nyatakan aktiviti sukan lasak yang menjadi pilihan rakyat Malaysia.
 - a) berkayak
 - b) memanjat dinding batuan
 - c) berbasikal
 - d) memandu ATV
 - e) mendaki bukit
2. Apakah kebaikan aktiviti sukan lasak?
 - a) menjadikan kita lebih tabah menghadapi segala rintangan dan onak duri dalam kehidupan
 - b) menyihatkan badan
 - c) mencerdaskan minda
3. Ceritakan pengalaman anda melakukan aktiviti sukan lasak?

aktiviti berkayak - di sungai – seronok – takut – kekuatan fizikal
4. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan masyarakat menyertai aktiviti sukan lasak?
 - a) Kerajaan mengadakan kempen tentang sukan lasak
 - b) Ibu bapa melakukan aktiviti sukan lasak bersama dengan anak-anak
 - c) Pihak sekolah menubuhkan kelas sukan lasak

SET 7

ITEM BERTUTUR (Individu)

[40 markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERPADUAN KAUM ASAS KEAMANAN NEGARA



Tugas paling utama bagi rakyat Malaysia kini adalah untuk memastikan keharmonian kaum dan agama kekal utuh. Matlamat itu hanya dapat dicapai jika semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang dapat menjejaskan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Selain itu, semua rakyat perlu terus memperjuangkan usaha membentuk Malaysia yang bersatu padu tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan fahaman politik. Kita hendaklah mengekalkan semangat perpaduan, muhibah, dan patriotisme bukan sahaja ketika meraikan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September, tetapi dalam apa-apa juga jenis aktiviti yang lain. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan negara dengan cara mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan provokasi serta keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan di tanah air ini.

SOALAN RANGSANGAN

1. Bagaimanakah cara untuk memastikan keharmonian kaum dan agama di negara kita kekal utuh?
2. Nyatakan kesan sekiranya kita gagal mempertahankan keamanan di negara kita.
3. Selain bersama-sama meraikan hari kemerdekaan dan Hari Malaysia, apakah aktiviti lain yang perlu dilakukan untuk mengeratkan perpaduan kaum?
4. Jelaskan peranan beberapa pihak lain dalam usaha mengeratkan perpaduan antara kaum di negara kita.

CADANGAN JAWAPAN


1. Cara untuk memastikan keharmonian kaum dan agama di negara kita kekal utuh ialah semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang dapat menjejaskan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Selain itu, rakyat perlu terus memperjuangkan usaha membentuk Malaysia yang bersatu padu tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan fahaman politik. Kita jug perlu mengekalkan semangat perpaduan, muhibah dan patriotisme.
2. Kesan sekiranya kita gagal mempertahankan keamanan di negara kita ialah konflik dan kekacauan akan berlaku di tanah air ini.
3. Selain Bersama-sama merayakan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, aktiviti lain yang perlu dilakukan untuk mengeratkan perpaduan kaum termasuklah menyertai majlis rumah terbuka ketika sambutan perayaan utama. Contohnya, rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Hari Deepavali dan Hari Krismas.
4. Pihak sekolah berperanan untuk mendidik murid tentang budaya hormat-menghormati antara masyarakat berbilang kaum ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, ibu bapa hendaklah menunjukkan teladan yang baik melalui amalan beramah mesra dengan jiran berlain bangsa agar dapat dicontohi oleh generasi muda.

SET 8

ITEM BERTUTUR (Individu)

[40 markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Satu teknologi yang dicipta untuk mendapatkan tenaga daripada radiasi cahaya matahari dinamakan tenaga solar. Tenaga matahari digunakan untuk menghasilkan tenaga elektrik melalui enjin pemanasan dan panel solar. Panel solar digunakan untuk menukarkan cahaya matahari kepada tenaga elektrik. Malaysia bertuah kerana kedudukan geografinya di garisan Khatulistiwa memberikan kelebihan pendedahan kepada cahaya matahari dan tadahan air. Penggunaan tenaga solar mungkin memberikan impak kepada penurunan permintaan tenaga elektrik, sekali gus memberikan keseimbangan ekonomi negara pada masa hadapan. Bukan itu sahaja, tenaga solar juga dikatakan mesra alam dan merupakan satu daripada teknologi hijau yang penting. Bagi organisasi yang mempunyai kawasan lapang yang luas, projek tenaga solar mampu menjanakan pendapatan dalam tempoh lima tahun sekurang-kurangnya. Namun, tenaga solar juga mempunyai kekurangan dalam beberapa sudut.

SOALAN RANGSANGAN

1. Gambarkan kefahaman anda tenaga solar yang telah anda baca.
2. Apakah kelebihan tenaga solar?
3. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimana kedudukan Malaysia dapat memberikan kelebihan kepada penggunaan tenaga solar?
4. Tenaga solar juga mempunyai kekurangan dalam beberapa sudut. Berikan ulasan anda.

CADANGAN JAWAPAN

1. Satu teknologi dicipta untuk mendapatkan tenaga daripada radiasi cahaya matahari ini dinamakan tenaga solar. Tenaga matahari digunakan untuk menghasilkan tenaga elektrik melalui enjin pemanasan dan panel solar.
2. Penggunaan tenaga solar memberikan impak kepada penurunan permintaan tenaga elektrik, sekali gus memberikan keseimbangan ekonomi negara pada masa hadapan. Bukan itu sahaja, tenaga solar juga dikatakan mesra alam dan merupakan satu daripada teknologi hijau yang penting. Bagi organisasi yang mempunyai kawasan lapang yang luas, projek tenaga solar mampu menjanakan pendapatan dalam tempoh lima tahun sekurang-kurangnya.
3. Malaysia bertuah kedudukannya di garisan Khatulistiwa, memberikan kelebihan pendedahan kepada cahaya matahari dan tadahan air. Menggunakan matahari sebagai sumber tenaga memerlukan cahaya matahari yang dapat dicapai. Ini bermaksud bahawa lebih sukar bagi individu dan syarikat di wilayah tertentu untuk bergantung sepenuhnya pada tenaga suria.
4. -Kos permulaan yang tinggi
- Keperluan ruang
- ketidakstabilan cuaca. Peredaran malam dan siang, latitud dan altitud geografi seperti cerah, mendung, awan dan hujan menyebabkan pada satu-satu waktu tertentu, penyinaran solar menjadi tidak stabil.

SET 9

ITEM BERTUTUR (Individu)

[40 markah]


Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AMALAN MENABUNG

Punca Rakyat Malaysia Diisytihar Mufliis

Lebih 300,000 Rakyat Malaysia
Dilaporkan Bankrap Setakat Ogos 2019

Berdasarkan statistik, golongan umur yang paling banyak diisytihar bankrap terdiri daripada mereka berumur 35 sehingga 45 tahun yang merangkumi 35% diikuti dengan golongan umur anak muda 25 sehingga 34 tahun dengan 25.3%.



Budaya menabung untuk pendidikan tinggi anak masih rendah, terutama dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain menjadikan gaji kecil sebagai alasan untuk tidak menabung, rata-rata ibu bapa terlalu bergantung harap pada pinjaman kerajaan. Hakikatnya, kerajaan hanya menyediakan prasarana dan tanggungjawab menyediakan kewangan adalah pada ibu bapa itu sendiri.

Pengurus Besar Kanan, Jabatan Perhubungan Awam dan Pengurusan Majlis, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Abdul Ghaffar Yusop, berkata kebanyakan rakyat Malaysia hanya mula menabung selepas anak memasuki sekolah menengah. Katanya, dengan zaman perbankan di hujung jari juga banyak anggota masyarakat berbelanja melebihi kemampuan, sekali gus mengabaikan simpanan pendidikan anak. Untuk memastikan anak boleh melanjutkan pelajaran tanpa mengharapkan pinjaman sekali gus dibebani hutang, ibu bapa perlu mengubah persepsi 'simpan dulu baru belanja'.

SOALAN RANGSANGAN

1. Huraikan dua maklumat dalam bahan rangsangan yang berkaitan dengan isu muflis dalam kalangan rakyat Malaysia.
2. Nyatakan dua sebab ibu bapa tidak membuat tabungan pendidikan untuk anak-anak mereka.
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan amalan menabung?
4. Cadangkan beberapa cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka menabung.

CADANGAN JAWAPAN

1. Huraikan dua maklumat dalam bahan rangsangan yang berkaitan dengan isu muflis dalam kalangan rakyat Malaysia.
 - 35 % rakyat berumur 35 hingga 45 tahun diisytiharkan muflis
 - Antara punca rakyat diisytiharkan muflis ialah kegagalan mereka melangsaikan bayaran balik pinjaman kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan pinjaman perniagaan.**mana-mana jawapan lain yang sesuai juga diterima*
2. Nyatakan dua sebab ibu bapa tidak membuat tabungan pendidikan untuk anak-anak mereka.
 - Gaji kecil
 - Mengharapkan pinjaman kerajaan
 - Berbelanja melebihi kemampuan
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan amalan menabung?
 - Simpanan masa depan
 - Bekalan sewaktu kecemasan
 - Contoh teladan
 - wang tabungan dapat dimanfaatkan untuk menjalankan pelaburan**jawapan lain yang sesuai juga diterima*
4. Cadangkan beberapa cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka menabung.
 - Mengajar anak-anak menabung sejak kecil
 - Membuka buku simpanan seawal mungkin untuk anak-anak
 - Menjadi suri teladan kepada anak-anak
 - Sentiasa menasihati anak untuk menabung dan berjimat cermat.
 - Memberikan ganjaran kepada anak-anak.**jawapan lain yang sesuai juga diterima*

SET 10**ITEM BERTUTUR (Individu)**

[40 markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PELABURAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, hartanah telah lama menjadi pilihan utama banyak individu dalam medan pelaburan. Malaysia mempunyai berjuta-juta unit hartanah yang menjadi tumpuan rata-rata rakyat Malaysia seperti rumah, pangsapuri atau kondominium, lot kedai, ruang niaga atau tanah. Sebelum anda membuat keputusan untuk membeli hartanah, terdapat beberapa kriteria yang perlu dipertimbangkan seperti lokasi, reputasi syarikat pemaju, jenis hartanah, harga, kebolehcapaian, infrastruktur dan juga kemudahan awam. Hartanah bukanlah aset yang sentiasa mudah untuk dijual semula dan biasanya dianggap sebagai pelaburan jangka masa panjang.

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan 3 jenis pelaburan yang terdapat di Malaysia.
2. Apakah kriteria yang perlu dipertimbangkan sebelum seseorang membeli hartanah?
3. Kini, terdapat pelbagai bentuk pelaburan, antaranya hartanah, saham dan emas. Sehubungan dengan itu, pelaburan wajar dilakukan oleh golongan muda kerana banyak memberikan manfaat kepada diri mereka. Apakah manfaat-manfaat tersebut?
4. Ayah anda akan berpencen tidak lama lagi. Jadi, beliau akan mendapat wang imbuhan hasil daripada perkhidmatannya dalam bidang keguruan. Beliau tidak mahu membelanjakan wang tersebut dengan membeli kereta atau melancong sebaliknya beliau bercadang mahu membeli sebuah rumah untuk dijadikan aset. Selain itu, rumah itu juga boleh dijadikan sebagai pelaburan. Sebagai anak yang prihatin, cadangkan ciri-ciri rumah yang perlu dipertimbangkan oleh ayah anda untuk dijadikan pelaburan pada jangka masa panjang.

CADANGAN JAWAPAN

1. hartanah, saham, emas
2. lokasi, reputasi syarikat pemaju, jenis hartanah, harga, kebolehcapaian, infrastruktur dan juga kemudahan awam
3. - menjanakan pendapatan sampingan / pendapatan pasif
- dapat memulakan dan menjalankan perniagaan
- merealisasikan impian
4. kondominium - mudah mencari penyewa atau pembeli; rumah jenis ini dilengkapi infrastruktur dan dapat memenuhi citarasa kebanyakan orang; harga kondominium lebih berpatutan

SET 11

ITEM BERTUTUR (Individu)

[40 markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA

| | |
|--|--|
|  <p style="text-align: center;">Industri Ringan</p> |  <p style="text-align: center;">Industri Berat</p> |
|  <p style="text-align: center;">Industri Kecil dan Sederhana</p> |  <p style="text-align: center;">Revolusi Industri 4.0</p> |

Sektor perindustrian di Malaysia semakin berkembang pesat bermula pada era 50-an, 60-an dan 70-an sehinggalah kini. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan agenda utama kerajaan dalam usaha membangunkan ekonomi, khususnya sektor industri negara. Terdapat beberapa jenis sektor perindustrian di Malaysia. Antaranya ialah industri ringan, industri berat dan perusahaan kecil dan sederhana. Malah, industri di Malaysia telah mengalami Revolusi Industri 4.0 (IR4) kerana perkembangan teknologi yang pesat. Kecanggihan teknologi dalam industri menjadi faktor pembangunannya. IR4 turut telah membuka peluang pekerjaan baharu di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara apabila pelbagai sektor mula mengoptimalkan pelbagai kemajuan mutakhir dalam teknologi pintar.

SOALAN RANGSANGAN

1. Huraikan jenis-jenis industri di Malaysia.
2. Apakah yang anda fahami tentang Revolusi Industri 4.0 (IR4) berdasarkan bahan rangsangan?
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan industri perusahaan kecil dan sederhana (IKS)?
4. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah industri pelancongan mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara?

CADANGAN JAWAPAN

1. Jenis-jenis industri di Malaysia ialah industri ringan, industri berat dan industri kecil dan sederhana.
2. IR4 merupakan satu pembaharuan dalam perindustrian yang semakin berkembang pesat berkat daripada perkembangan teknologi. Pembangunan IR4 telah membuka peluang pekerjaan baharu di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara apabila pelbagai sektor mula mengoptimumkan pelbagai kemajuan mutakhir dalam teknologi pintar.
3. Industri perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) banyak memberikan manfaatnya kepada penduduk tempatan. Salah satunya ialah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Di samping itu, industri ini juga menggalakkan pengeluaran produk makanan buatan Malaysia. Seterusnya, IKS juga membantu meningkatkan penghasilan produk kraf tangan. Akhirnya, IKS mampu menarik pelancong dari luar dan dalam negara untuk berkunjung ke negara ini.
4. Sektor pelancongan merupakan cabang kepada perindustrian. Sektor ini mampu menarik pelabur asing untuk menjadi pelabur kepada syarikat-syarikat perindustrian di Malaysia. Di samping itu, pelancongan juga menggalakkan pertukaran mata wang asing ke negara ini. Selanjutnya, sektor ini meningkatkan kualiti industri pembangunan perhotelan dan perkhidmatan sekali gus memacu sektor pengangkutan dan perhubungan di negara.

SET 12**ITEM BERTUTUR (Individu)**

[40 markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KERJAYA BAHARU ERA MODEN - KERJAYA KOLAR BAHARU

Pada era ini, muncul bidang pekerjaan yang digelar sebagai kerjaya “kolar baharu”. Bidang pekerjaan ini mencetuskan impak dalam pasaran pekerjaan sekarang. Pertumbuhan pesat dan kemajuan dalam teknologi digital menyebabkan landskap kerjaya mengalami perubahan. Majikan mencari pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran khusus untuk memenuhi keperluan industri dan pasaran. Secara umumnya, seseorang pekerja “kolar baharu” ialah individu yang memajukan diri dengan kemahiran teknikal dan insaniah. Golongan ini bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi dan kemahiran. Mereka mendapat pendidikan dan latihan melalui kolej vokasional, kolej komuniti, kursus jangka pendek, program sijil, pendidikan teknologi sekolah tinggi, latihan industri, dan perantisan semasa kerja.

SOALAN RANGSANGAN

1. Secara umumnya, siapakah yang dikatakan sebagai seorang pekerja kolar baharu?
2. Bagaimanakah bakal pekerja kolar baharu ini akan mendapat pendidikan dan latihan bagi kerjaya mereka?
3. Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menceburi bidang kerjaya kolar baharu?
4. Bidang kerjaya di Malaysia semakin berkembang maju dan memberikan peluang yang sama rata kepada semua golongan.
Berikan ulasan anda.

CADANGAN JAWAPAN

1. Pekerja kolar baharu ialah seseorang yang memajukan diri dengan kemahiran teknikal dan insaniah.
2. Bakal pekerja kolar baharu ini akan mendapat pendidikan dan latihan bagi kerjaya mereka melalui :
 - kolej vokasional
 - kolej komuniti
 - kursus jangka pendek
 - program sijil
 - pendidikan teknologi sekolah tinggi
 - latihan industri
 - perantisan semasa kerja.
3. Kita perlu menceburi bidang kerjaya kolar baharu kerana
 - meneroka dunia kerjaya di luar kotak
 - meneroka alam pekerjaan dengan lebih mendalam
 - mengaplikasikan segala kemahiran yang dipelajari/dimiliki
 - kerjaya kolar baharu ialah bidang kerjaya yang berpotensi untuk berkembang maju dan membangunkan ekonomi negara
4. Bidang kerjaya di Malaysia semakin berkembang maju dan memberikan peluang yang sama rata kepada semua golongan.
 - Positif
 - Perkembangan idea mengenai sesuatu bidang kerjaya yang lebih meluas
 - Hak saksama untuk menonjolkan kemahiran yang dimiliki tanpa disekat oleh faktor luaran seperti pendidikan, pengalaman, latar belakang keluarga
 - Negatif
 - Kerjaya mungkin dimonopoli oleh mereka yang tidak mempunyai kemahiran secukupnya dari sudut akademik dan pengalaman
 - Menyebabkan bidang kerjaya yang sepatutnya dapat berkembang dengan pesat tidak mempunyai daya saing
 - Ekonomi negara tertumpu kepada satu sudut sahaja

SET 1**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)**[30 *markah*]

Sebagai negara yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan etnik, perpaduan serta integrasi nasional memainkan peranan utama untuk mewujudkan negara yang aman, harmoni dan makmur. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu menjalankan tanggungjawab untuk memastikan perpaduan dan integrasi nasional terus berkekalan. Marilah kita bersatu padu kerana hanya dengan perpaduanlah kita mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju.

Bincangkan usaha-usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat.

CADANGAN JAWAPAN

Peranan masyarakat mengadakan aktiviti kemasyarakatan di taman perumahan

- penduduk bekerjasama mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan taman-taman perumahan.
- Penduduk setempat mengadakan sambutan Hari Keluarga, majlis rumah terbuka dan aktiviti Rukun Tetangga
- Dapat mengenali antara satu sama lain melalui perbualan, berinteraksi, dan bertukar-tukar pendapat tentang isu semasa atau hal kemasyarakatan.
- Penduduk setempat mengadakan program kitar semula di kawasan perumahan.

Peranan ibu bapa mengamalkan amalan kunjung mengunjung

- Menjadi suri teladan kepada anak-anak sejak kecil melalui jalinan hubungan yang rapat dengan jiran-jiran
- Mendorong anak-anak untuk menyertai aktiviti yang dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum di sekolah.
- Mengajak anak-anak berkunjung ke rumah jiran tetangga yang berlainan bangsa sempena hari perayaan.
- Ibu bapa menjelaskan kepada anak-anak keadaan kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia dan menceritakan cara tokoh-tokoh Malaysia daripada pelbagai kaum dapat memperjuangkan kemerdekaan bersama.
- Ibu bapa mendorong anak-anak menonton filem dan drama yang terdiri daripada tema perpaduan dan juga menonton filem dalam bahasa kaum lain untuk memupuk perpaduan antara kaum di Malaysia.

Peranan pihak sekolah mengadakan pelbagai program untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid

- Mengadakan program RIMUP
- Mengadakan sambutan hari perayaan pelbagai kaum
- Menggiatkan aktiviti kokurikulum
- Penerapan nilai perpaduan melalui subjek Pendidikan Moral
- Penggunaan dan penerapan bahasa rasmi negara iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di sekolah-sekolah turut membolehkan interaksi tanpa mengira kaum akan terhasil.

Peranan media massa

- Menggiatkan kempen-kempen bertemakan perpaduan yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Menyebarkan mesej dan maklumat positif untuk menggalakkan perpaduan
- Menyiarkan program yang berunsurkan perpaduan
- Memastikan program-program yang disiarkan menjaga sensitiviti, agama, dan budaya semua kaum
- Menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan bahasa kebangsaan dalam komunikasi seharian untuk memupuk perpaduan

Peranan kerajaan dalam memupuk dan memperkukuh perpaduan negara.

- Kerajaan melancarkan Dasar Perpaduan Negara.
- Kerajaan mengadakan majlis rumah terbuka peringkat kebangsaan untuk menyambut perayaan kaum utama Malaysia.
- Kerajaan menubuhkan Sekolah Wawasan yang menempatkan tiga jenis sekolah, iaitu sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
- Kerajaan memberi penekanan kepada penghayatan Prinsip Rukun Negara
- Kerajaan mengadakan Kempen Kibar Jalur Gemilang untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik yang secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan.

SET 2**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Pelbagai langkah perlu dilaksanakan untuk memulihara rumah dan bangunan bersejarah yang terdapat di negara kita seperti Kota A Famosa, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Rumah Pusaka Sutan Mangatas. Hal ini dikatakan demikian kerana, warisan sejarah amat penting untuk tatapan generasi akan datang.

Ulaskan pernyataan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN

Langkah-langkah untuk memelihara rumah dan bangunan bersejarah.

1. **Sebagai pembuka tirai wacana ini, langkah-langkah untuk memelihara dan mengekalkan bangunan bersejarah** termasuklah **pihak kerajaan mewartakan bangunan bersejarah sebagai satu warisan kebangsaan** Sebagai contoh, Bangunan Sultan Abdul Samad perlu dipertahankan sehingga hari ini. **Dalam hal ini**, Dewan Bandar raya Kuala Lumpur(DBKL) telah memasukkan bangunan ini dalam Pelan Induk Pembangunan Kuala Lumpur untuk diwartakan. **Kesan positifnya**, bangunan yang berusia beratus-ratus tahun ini terhindar daripada pemusnahan. **Usaha ini perlulah dilaksanakan bersungguh-sungguh kerana usaha tangga kejayaan. Jelaslah, pihak kerajaan perlu mewartakan bangunan bersejarah** kerana andainya tidak diwartakan pasti generasi akan datang tidak dapat melihat lagi bangunan ini.
2. **Lontaran idea yang seterusnya, pihak kerajaan membaik pulih bangunan-bangunan bersejarah** juga merupakan satu usaha untuk memelihara bangunan bersejarah. **Misalnya**, pada tahun 2007, Jabatan Kerja Raya(JKR) telah membaik pulih Bangunan Sultan Abdul Samad yang menelan belanja sebanyak 20 juta. **Langkah yang efektif ialah** membaik pulih kerosakan dan struktur bangunan serta seni bina tersebut. **Impaknya**, masyarakat dapat mengetahui nilai sejarah yang tinggi pada bangunan ini. **Peribahasa** ada menyatakan **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Rumusnya, pihak kerajaan membaik pulih bangunan-bangunan bersejarah** kerana bimbang sekiranya tidak dibaik pulih warisan sejarah akan musnah selamanya.
3. **Bukan itu sahaja**, langkah yang lebih praktikal termasuklah **pihak kerajaan memperindah kawasan persekitaran bangunan bersejarah. Tamsilnya**,mengindahkan taman dan landskap di persekitaran kawasan bangunan bersejarah. **Tindakan yang sesuai**, pihak berwajib perlu menanam lebih banyak pokok yang menghijau dan bunga yang berwarna-warni.**Natijahnya**, keindahan kawasan bangunan akan menjadi lebih menarik, bersih dengan panorama yang indah. Usaha jitu ini perlu dilaksanakan kerana **hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Tuntasnya, memperindah kawasan persekitaran bangunan bersejarah merupakan satu cara mengekalkan bangunan bersejarah** dan sekiranya tidak dipercantik pastinya bangunan menjadi usang.
4. **Pihak kerajaan memperkenalkan bangunan bersejarah** juga merupakan cara untuk memelihara bangunan ini. **Contohnya**, memperkenalkan Kota A Famosa, Kellie Castle dan Tugu Negara. **Cara terbaik** ialah media massa menyiarkan dokumentari tentang keistimewaan bangunan bersejarah ini. **Sesungguhnya**, keunikan dan keistimewaan bangunan bersejarah ini mampu menggamit kedatangan para pelancong. Terdapat beberapa khazanah yang bersejarah seperti Bangunan Cheong Fatt Tze yang telah dianugerahi Pingat Unesco Heritage 2000 Award kerana usaha pemeliharaannya. **Konklusinya, memperkenalkan bangunan bersejarah** juga merupakan cara untuk memelihara bangunan ini kerana jika program mempromosikan bangunan bersejarah tidak dilaksanakan khazanah ini akan hancur begitu sahaja.

SET 3**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri, Datuk Ahmad Makbul, berkata sektor pelancongan Pulau Langkawi memerlukan bantuan khusus kerana pulau peranginan itu mampu memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Sehubungan itu, kerajaan pusat diminta membantu meningkatkan industri pelancongan di Pulau Langkawi yang terjejas teruk sejak Mac lalu kembali akibat penularan pandemik COVID-19. Jelasnya, kehadiran pelancong yang semakin kurang menyebabkan majoriti penduduk yang bergantung pada aktiviti pelancongan hilang sumber pendapatan.

Ulas pernyataan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN

Tindakan pihak tersebut suatu tindakan yang bijak.

- merancang ekonomi negara
- menangani masalah kemiskinan tegar
- memajukan pelancongan domestik
- memajukan prasarana pelancongan
- melestarikan warisan budaya di Pulau Langkawi

Tindakan pihak tersebut suatu tindakan yang tidak wajar.

- boleh menyebabkan wujudnya kluster baharu Covid-19

Calon dikehendaki menghuraikan idea utama.

SET 4**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Belia pada dekad ini perlu bersiap siaga untuk menangani segala cabaran dan kesukaran demi kesejahteraan diri dan kemajuan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan belia yang berkualiti inilah yang akan menjadi pemimpin masa depan untuk menggerakkan jentera pentadbiran negara.

Bincangkan.

SET 5**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Pada masa ini, pengeluaran daging oleh syarikat atau penternak tempatan menyumbang 30 peratus kepada pasaran, manakala bekalan selebihnya diperoleh daripada import, khususnya dari Australia, Kemboja, Thailand dan Vietnam. Walaupun sektor ini boleh menjamin masa depan tetapi kerjaya dalam sektor penternakan kurang diminati generasi muda.

Sehubungan dengan itu, bincangkan usaha-usaha kerajaan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang penternakan.

Cadangan Jawapan:

Usaha-usaha kerajaan

1. Kerajaan perlulah menyediakan modal
2. Kerajaan hendaklah memberikan latihan/bimbingan
3. Kerajaan haruslah mengiktiraf penternak yang berjaya
4. Kerajaan wajarlah menghebahkan kisah penternak yang berjaya

SET 6**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)**

[30 *markah*]

Bidang pertanian mampu dijadikan kerjaya yang amat menguntungkan. Namun, generasi muda amat kurang menceburi bidang ini kerana tidak mahu menanggung risiko dan memerlukan kerja keras di bawah terik matahari.

Sekiranya anda menjadi pemimpin, cadangkan langkah-langkah untuk menarik golongan muda untuk menceburi bidang pertanian.

Cadangan Jawapan:

Langkah-langkah

1. memasarkan produk di luar negara
2. mengiklankan produk di luar negara
3. menjalinkan usaha sama dengan syarikat luar
4. menyertai karnival tani di luar negara
5. membuka cawangan syarikat di luar negara
6. memberikan latihan/bimbingan
7. menyediakan modal

SET 7**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Dalam konteks kita hari ini yang berdepan dengan bahaya pandemik Covid-19, kita melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk kali pertamanya dalam sejarah, iaitu pada Mac 2020 dan seterusnya sekali lagi, PKP 2.0, sehingga menyebabkan sesi persekolahan secara bersemuka tidak lagi dapat diadakan. Pilihan yang ada hanyalah sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Ulaskan pernyataan tersebut.

Cadangan Jawapan :

Kekangan /Masalah / Cabaran :

1. Murid lebih seronok tidak perlu lagi bangun di awal pagi untuk ke sekolah secara bersemuka dan lebih seronok berjaga hingga ke larut malam serta dapat bangun lewat.
2. Tidak boleh memberikan fokus 100 peratus jika guru mengajar secara dalam talian dalam tempoh 30 hingga 40 minit mengikut jadual kelas biasa.
3. Murid sudah lelah dan penat mengadap skrin komputer atau gajet masing-masing.
4. Kaedah pengajaran guru kurang berkesan kerana kurang selari dengan tahap kebolehan dan pembelajaran murid.
5. Kemahiran guru menggunakan peralatan IT pula hanya sekitar 50 hingga 60 peratus. Manakala hanya 40 hingga 50 peratus sahaja guru yang mahir mempelbagaikan pengajaran secara dalam talian.
6. Peralatan /peranti yang terhad dalam kalangan murid-murid.
7. Kemudahan Internet /Data
8. Komunikasi murid dan guru melalui PdPR sangat terbatas.
9. Guru memberikan terlalu banyak latihan kepada murid hingga membebankan ibu bapa kerana terpaksa membantu anak-anak membuat latihan.
10. Keluhan ibu bapa adalah jadual belajar yang padat serta lambakan kerja sekolah. Ibu bapa yang tidak mempunyai latar pendidikan tinggi juga berasa terbeban untuk membantu anak-anak mereka menyiapkan kerja rumah atau projek yang diberikan.
11. Medium pembelajaran yang berubah-ubah, dari aplikasi Zoom ke Google Meet dan panggilan video, platform WhatsApp, kemudian bertukar Telegram.

Langkah :

1. Bagi meningkatkan perhatian dan kehadiran murid ketika pembelajaran dalam talian, guru boleh menyediakan bahan pembelajaran yang menarik dan sesuai, sama ada dalam bentuk video, lembaran kerja, animasi dan sebagainya.
2. Kandungan pelajaran yang banyak juga boleh dipecah kecil bagi memudahkan murid memproses maklumat dan mengurangkan masa pembelajaran mereka.
3. Aktiviti permainan dalam talian juga dapat meningkatkan tumpuan murid dan pemberian ganjaran bagi setiap aktiviti atau soalan yang dapat dijawab oleh murid boleh meningkatkan motivasi untuk belajar.
4. Guru juga harus sedia merakam pengajaran yang dilaksanakan secara sinkronus bagi mengelak murid tercicir
5. Ibu bapa juga perlu menyediakan kemudahan asas untuk mereka belajar di rumah seperti talian internet, komputer atau telefon pintar dan ruang pembelajaran selesa.
6. Ibu bapa juga perlu bersedia memainkan peranan sebagai fasilitator serta memberi galakan dan motivasi kepada anak, mewujudkan jadual pembelajaran yang khusus di rumah juga membantu anak mengurus aktiviti pembelajaran mereka, sama ada secara dalam talian atau sendiri.
7. Anugerah khas galakan kepada guru dan murid yang terampil dalam pembelajaran dalam talian boleh dipelbagaikan menerusi kategori berbeza dengan menjadikannya satu daripada acara tahunan, sama ada pada peringkat sekolah, daerah, negeri mahupun kebangsaan

Kepentingan :

1. PdPR atau konsep pembelajaran dari rumah ialah pembelajaran secara atas talian yang menggunakan pelbagai aplikasi antaranya Google Meet, Zoom ataupun WhatsApp Video. Kaedah pembelajaran ini sebenarnya memberi pencerahan dari aspek pembelajaran secara moden dan boleh mengaplikasikan kemudahan teknologi pada masa ini. Ini antara salah satu kelebihan PdPR yang mana membantu murid-murid membuat penerokaan pembelajaran secara atas talian dalam norma baharu. Hal ini juga dapat membantu murid-murid lebih celik akan teknologi.
2. Kedua, kelebihan PdPR dapat dilihat daripada aspek perkembangan murid-murid pada pandangan ibu bapa. Sebelum ini, perkembangan murid-murid hanya mendapat penilaian daripada guru-guru yang mengajar, namun apabila pembelajaran daripada rumah, penilaian ibu bapa dapat dilihat secara terus setakat mana kemampuan anak-anak dalam pembelajaran.
3. Ketiga, hubungan ibu ayah dengan anak-anak dapat diertikan dengan lebih ketat. Mengapa erat? Kebanyakan kelas pengajaran anak-anak di sekolah banyak melibatkan aktiviti pergerakan dan aktiviti bersama. Justeru apabila sesi pembelajaran berlaku, ibu bapa akan turut serta menolong dan menjalankan aktiviti bersama-sama anak-anak.
4. Di samping itu, guru-guru bersedia membantu murid-murid agar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Murid-murid boleh bersoal jawab bersama guru-guru secara dalam talian bagi lebih memahami sesuatu topik yang dibincangkan.

Peranan :

Pihak kerajaan/NGO menyediakan kemudahan kepada murid-murid peruntukkan seperti komputer, laptop, tablet, telefon pintar kepada mereka yang memerlukan bagi murid yang berkongsi peranti / atau keluarga B40

Sejumlah 40,290 unit komputer riba telah diserahkan kepada murid di seluruh negara hasil sumbangan daripada sektor korporat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).
Guru-guru kaunseling amat diperlukan untuk memperbaiki situasi yang timbul.

Projek bantuan komputer riba kepada murid dan penambahbaikan akses capaian internet di kawasan luar. Insentif khas kepada warga guru dengan pemberian data internet tambahan untuk proses pengajaran secara digital, penambahbaikan sistem jalur lebar dan kos pembelian alat bantu mengajar secara digital perlu juga diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan. Perkhidmatan rangkaian jalur lebar terbaharu yang disediakan oleh anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu Allo Technology Sdn Bhd.

Sekolah perlu memastikan semua murid dapat mengikuti PdPR berdasarkan keperluan dan kesediaan mereka. Guru perlu mengenal pasti kaedah PdPR yang sesuai supaya murid dapat menguasai kandungan mata pelajaran yang ditetapkan. Guru hendaklah meneroka cara yang berbeza dan bersesuaian untuk kelangsungan dan peningkatan penglibatan murid dalam pengajaran

Peranan ibu bapa/penjaga untuk:

- (i) Membantu anak/anak jagaan mendapat maklumat berkaitan sesi PdPR ataupun arahan/tugasan/kerja rumah yang diberikan guru; dan
- (ii) membantu anak/anak jagaan mengakses DELIMa, TV Pendidikan, EduwebTV (koleksi video) dan Cikgootube.

SET 8**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Peribahasa memainkan peranan yang penting dalam masyarakat kita. Peribahasa digunakan untuk menyampaikan sesuatu nasihat, teguran atau ingatan secara kiasan atau sindiran. Biasanya, peribahasa disampaikan tanpa menimbulkan rasa marah atau kecil hati kepada orang lain supaya pengajaran yang tersirat daripada peribahasa dapat dihayati dan dipelajari.

Ulaskan pendapat anda.

CADANGAN JAWAPAN**FUNGSI / KEPENTINGAN / KEBAIKAN PERIBAHASA**

1. Boleh dijadikan pedoman hidup kerana peribahasa sangat besar dan luas penggunaannya
2. Menggambarkan kehidupan masyarakat atau bangsa yang mengamalkannya
3. Menghiasi percakapan atau penulisan seseorang
4. menguatkan / mengukuhkan tujuan percakapan, perbincangan atau penulisan
5. Memberi pengajaran kepada masyarakat
6. Mengawal sosial dalam kalangan masyarakat
7. Menyampaikan nasihat, teguran atau ingatan secara kiasan atau sindiran tanpa menimbulkan rasa kecil hati

*Terima mana-mana jawapan yang relevan

SET 9**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Bahasa Melayu masih menghadapi cabaran untuk memainkan peranan yang sewajarnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu belum betul-betul diangkat atau dimartabatkan sebagai bahasa cerminan jati diri negara dalam kalangan semua golongan.

Ulas pernyataan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN**LANGKAH / CARA MENGANGKAT BAHASA MELAYU SEBAGAI JATI DIRI NEGARA – MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU**

1. Pembudayaan Bahasa Melayu melalui sistem pendidikan - Kementerian Pendidikan haruslah mengkaji semula dan seterusnya menghentikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris
2. Pengayaan khazanah ilmu - Pihak kerajaan mengadakan kempen memartabatkan Bahasa Melayu
3. Pindaan dan perluasan peruntukan akta – pindaan akta Bahasa kebangsaan yang memberikan lebih penggunaan Bahasa melayu
4. Ibu bapa memainkan peranan mendidik dan membimbing anak-anak sejak kecil untuk mencintai Bahasa Melayu – bertutur, membaca bahan bacaan dan menulis dengan Bahasa Melayu
5. Komponen Bahasa dan persuratan dalam semua program negara – semua program mestilah menggunakan Bahasa Melayu
6. Pemantauan berterusan terhadap bidang penyiaran dan media massa –
7. Penganjuran pelbagai bentuk pertandingan yang melibatkan Bahasa Melayu

*terima mana-mana jawapan yang relevan

SET 10**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Integriti sangat penting. Namun begitu, integriti tidak lahir dengan sendirinya dalam diri setiap individu. Integriti perlu dipupuk sejak kecil melalui institusi kekeluargaan secara turun-temurun. Oleh hal yang demikian, apabila seseorang individu mulai memasuki alam pekerjaan, integriti telah pun mendarah daging . Hal ini akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing selain mengurangkan risiko untuk terjebak dalam aktiviti salah laku di tempat kerja.

Bincangkan kepentingan integriti kepada negara.

CADANGAN JAWAPAN

- Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah laku kuasa secara berkesan
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi
- Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan
- Memantapkan institusi keluarga
- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat

NASKHAH PENTAKSIR TAMAT

